

10/10/2003

Undi rakyat Kedah penghargaan Dr M

ALOR STAR: Rakyat Kedah akan membuktikan penghargaan mereka kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan memberikan undi kepada Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya akan datang.

Justeru, pemimpin Umno dan BN Kedah berpendapat andaian Pas bahawa BN akan hilang sokongan di Kedah kerana Dr Mahathir tidak bertanding adalah retorik kosong.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno Kedah, Datuk Abdul Rahman Ariffin berkata, rakyat berpendapat walau siapa calon yang bakal diketengahkan Pas, mereka tidak dapat menandingi ketokohan dan jasa Dr Mahathir.

Beliau berkata, Perdana Menteri bukan saja berjasa kepada Kedah, malah kepada negara dan dunia.

"Apa yang penting ialah perkhidmatan parti kepada rakyat, bukan setakat calon yang didakwa hebat.

"Saya tanya Pas, apakah sumbangannya kepada pengundi di kawasan yang mereka menangi daripada segi kebajikan, pendidikan dan pembangunan," katanya.